



Syarikat Jerman Bantu UPM Tingkat Penyelidikan Nanoteknologi



Naib Canselor, UPM Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah bersalaman dengan wakil pihak Pharmasol, Prof. Dr. Rainer H. Muller selepas upacara menandatangani MoU antara kedua-dua belah pihak.

SERDANG, 17 Sept – Universiti Putra Malaysia (UPM) akan mengembangkan penyelidikan dalam bidang nanoteknologi ke peringkat antarabangsa dengan bantuan syarikat teknologi nanoperubatan Pharmasol GmbH yang berpangkalan di Berlin, Jerman.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata Pharmasol akan memindahkan pengetahuan teknologi nanoperubatan kepada UPM supaya bidang itu dapat dikembangkan di sini.

Beliau berkata antara perkongsian tersebut ialah penghasilan produk-produk penyelidikan, pertukaran maklumat saintifik, penghasilan bahan-bahan penerbitan ke jurnal berimpak tinggi, membimbing pelajar pasca siswazah, perkongsian dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.

“Perkongsian penyelidikan ini juga membantu penglibatan UPM dalam Global Network Lipid Nanoparticles sebagai wakil rantau ini,” katanya selepas menandatangani memorandum persefahaman di sini sementara Prof. Dr. Rainer H. Muller menandatangani bagi pihak Pharmasol.

Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha berkata walaupun pada masa ini bidang nanoteknologi di UPM masih di peringkat permulaan tetapi dengan kerjasama tersebut UPM mampu menjadi perintis yang terawal dalam teknologi berkenaan.

“Pharmasol merupakan pakar dalam bidang teknologi nanoperubatan berperanan menjalinkan kerjasama dua hala bagi menghasilkan produk penyelidikan yang mampu menembusi pasaran tempatan dan antarabangsa.

“Kerjasama dua hala yang lain ialah penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan hasil penyelidikan dalam produk nutraseutikal, farmaseutikal dan kosmoseutikal,” katanya.

Beliau berkata Pharmasol juga memerlukan bantuan UPM kerana UPM mempunyai kepakaran dalam penyelidikan bahan bioaktif daripada sumber semulajadi terutamanya bagi penghasilan nutraseutikal, farmaesutikal dan kosmoseutikal.



Prof. Dr. Rainer H. Muller.

Berita disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia